



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 19 JUN 2025**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	GOLONGAN MUDA DIGALAKKAN MENCEBURI BIDANG PERTANIAN, KOMUNITI KITA, UM-24	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2.	LAKSANA TRANSFORMASI REBAN AYAM TERTUTUP, SG4: TERENGGANU, HAKAKAH-H14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	GO EASY ON DURIAN, SAY EXPERTS, EVENTS, STARMETRO-5	LAIN-LAIN
4.	PINJAMAN TANPA FAEDAH SADC BANTU MAHFUD KEMBANG PERTANIAN, DALAM NEGERI, UM-11	
5.	KECUALIKAN BUAH-BUAHAN RAKYAT DARIPADA SST, SUARA SINAR, SINAR HARIAN-16	
6.	AGRICULTURAL PRODUCTION INDEX TO AID FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

19/6/2025

UTUSAN  
MALAYSIAKOMUNITI  
KITA

24



## Golongan muda digalakkan menceburi bidang pertanian

GOLONGAN muda digalakkan menceburi bidang pertanian khususnya penanaman nanas kerana ia memberi pulangan pendapatan yang baik.

Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Mohd Khairuzamri M. Salleh berkata, penanaman nanas di negara ini perlu diperluaskan berikutan permintaan nanas untuk pasaran di peringkat tempatan dan luar tinggi.

Kata beliau, LPNM sentiasa menggalakkan orang ramai terutama pekebun kecil dalam kalangan golongan muda menceburi bidang penanaman nanas berikutan pulangnya amat baik jika diusahakan bersungguh-sungguh.

"Kami sentiasa menyediakan peluang kepada mereka yang berminat menanam nanas dengan menyalurkan bantuan dan teknologi penanaman termasuk input pertanian

serta kursus berkaitan penanaman dan industri asas tani," katanya pada lawatan rasmi ke Tapak Penyelidikan dan Pembangunan Tanaman Nanas MD2 di Kampung Parit Kassan, Tangkak, Johor, baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif NAFAS Agri Services, Syamshul Khamal Mohd Ramli pula berkata, lawatan itu bertujuan memberi gambaran lebih menyeluruh tentang kemajuan projek serta meneroka potensi kerjasama lanjut bagi memperkukuh inovasi dalam industri nanas negara terutama berkaitan input pertanian.

■ MOHD Khairuzamri M. Salleh (dua kiri) bergambar selepas melawat Tapak Penyelidikan dan Pembangunan kerjasama LPNM dan NAFAS Agri Sdn. Bhd. di Kampung Parit Kassan, Tangkak, Johor, baru-baru ini.

- UTUSAN/HAI ROZZAMAN JALAL

19/6/2025

HARAKAH

SG4:

H14

TERENGGANU

# Laksana transformasi reban ayam tertutup

Oleh **NORHANA MAT ZIN**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan negeri Terengganu kini mengalakkan penggunaan sistem reban ayam tertutup dalam kalangan penternak ayam komersial sebagai usaha memodenkan industri penternakan di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi, Dato' Dr Azman Ibrahim berkata, langkah tersebut merupakan sebahagian daripada inisiatif trans-

formasi sektor ternakan ayam yang sedang digerakkan oleh kerajaan negeri.

"Antara kelebihan reban tertutup ialah kawalan persekitaran yang lebih sihat tanpa pencemaran bau dan lalat, berbanding sistem reban terbuka. Malah, proses tumbesaran ayam juga menjadi lebih cepat," katanya menerusi perkongsian di laman sosial.

Tambah beliau, kerajaan negeri tidak lagi akan meluluskan pembinaan reban ayam baharu yang menggunakan sistem terbuka, dan

pengusaha sedia ada digalakkan beralih kepada sistem tertutup secara berperingkat.

"Buat masa ini, tiada tempoh masa ditetapkan untuk perubahan tersebut kerana kita faham proses ini melibatkan kos yang tinggi," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, kerajaan negeri turut merancang untuk membina beberapa fasiliti ternakan ayam tertutup dan akan diserahkan kepada pengusaha tempatan yang memenuhi kriteria kelayakan ditetapkan.



Dr Azman melihat ayam yang ditermak di dalam reban ayam tertutup milik Jabatan Veterinar Terengganu di Baruh Masin, Besut.

Sementara itu, reban ayam berkonsepkan sistem tertutup milik Jabatan Veterinar Terengganu di Baruh Masin, Besut yang telah dibaik pulih dengan kos RM700,000, kini beroperasi sepenuhnya sejak

bulan lalu.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jabi turut memberitahu bahawa hasil tuaiannya ma dijangka bermula pertengahan bulan ini.

# Go easy on durian, say experts

**By IMRAN HILMY**  
imran@thestar.com.my

IT IS durian season again, but over-indulging in the King of Fruits can pose a serious risk to our health.

Universiti Sains Malaysia (USM) family medicine specialist Dr Mastura Mohd Sopian said those with diabetes, heart disease, kidney problems or high blood pressure should not binge eat.

"To enjoy the nutritional benefits of durian safely, limit intake to no more than two medium-sized pieces per day, or about 80g," she said.

Eating too much durian could have a negative impact on blood sugar levels, she noted.

"Bingeing on durian may cause discomfort and disrupt normal metabolic functions.

"For those with chronic conditions, durian should only be consumed in small amounts, occasionally or not at all," she added.

Dr Mastura said certain foods should be avoided when eating durian, which contains carbohydrates, vitamins and minerals.

"These include spicy dishes, caffeine, carbonated drinks, sweet fruits, desserts, soft drinks and sugar-sweetened beverages.

"Consuming these alongside durian can cause digestive

Those with chronic health conditions should consume no more than two pieces per day, bingeing can lead to other issues

durian should be eaten according to the recommended serving size.

"One serving of durian is two to three pieces.

"It is high in calories and natural sugar.

"For people with diabetes, it can cause a dangerous spike in blood sugar," she said.

Zuhaida said high consumption of durian could significantly increase a person's overall calorie intake.

"Sometimes, bingeing can also lead to other health issues such as bloating, indigestion or feeling overheated," she said, adding that moderation applied to all foods.

Penang health committee chairman Daniel Gool reminded the public to practise moderation when enjoying the durian, especially during the current peak season, to avoid potential health risks.

"Overindulgence, particularly in hot weather, can lead to discomfort such as a sore throat, dehydration or digestive problems," he said.

"Drink plenty of water and exercise self-control to fully appreciate the fruit without experiencing adverse effects," Gool advised.



(From left) Mohammad Taufik Saidon, Muhamad Hafiz Azizan and Mohd Iszuan Ismail from Alor Setar enjoying the King of Fruits at Anjung Indah in Balik Pulau, Penang. — ZHAFARAN NASIB/The Star

discomfort and increase health risks," she said.

"Durian also has a 'heaty' effect, though reactions may vary among individuals," said Dr Mastura.

Penang Health Department nutritionist Zuhaida Harun said that like any other fruit,

19/6/2025

UTUSAN

DALAM

11

MALAYSIA

NEGERI

# Pinjaman tanpa faedah SADC bantu Mahfud kembang pertanian

Oleh MEGAT LUTFI  
MEGAT RAHIM

utusannews@mediamulla.com.my

**TAPAH:** Bergelar usahawan, tani sejak 15 tahun lalu dengan mengusahakan tanaman sayur-sayuran seperti kacang panjang, peria katak,

terung dan bendi membolehkan Muhammad Mahfud Yusuf, 58, memperoleh pendapatan mencecah empat angka setiap bulan. Dia komited mengusahakan tanaman tersebut di tanah seluas 0.81 hektar yang turut dibantu seorang pekerja di tanah yang diusahakannya di Kampung Haji Dahlian di sini.

Sebelum ini dia bekerja sebagai seorang kerani di sebuah kilang elektronik di Kampar. Bapanya merupakan seorang penoreh getah dan mengusahakan tanaman sayur-sayuran secara

kecil-kecilan mendorong minat yang mendalam terhadap bidang sekuriti makanan.

"Sekarang saya telah menceburi bidang ini selama 15 tahun.

Saya bersyukur hasilnya dapat membesarkan lapan orang anak sehingga mereka berjaya dalam

kehidupan masing-masing," katanya. Muhammad Mahfud mengakui tidak begitu mahir dalam bidang pertanian terutama melibatkan kos-kos pembukaan tanah pertanian dan aspek bidang pemasaran.

Namun Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) banyak memberi bantuan kepadanya

terutama menerusi Program Skim Usahawan Negeri Perak iaitu Pinjaman Tanpa Faedah Perak SADC.

Bantuan itu selaras dengan flagship pertama Perak Sejahtera 2030 iaitu Lembah Bakul



**MUHAMMAD MAHFUD YUSOF** mengusahakan tanaman sayur di Kampung Haji Dahlian, Tapah dengan bantuan skim Pinjaman Tanpa Faedah Perak SADC. - UTUSAN/MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) cetusan berawasan Menteri Besar, Datuk Seri

Saarani Mohamad bagi memacu negeri ke arah kemajuan dan mensejahterakan rakyat.

Di bawah pelan Perak Sejahtera 2030, Daerah Batang Padang disenarai sebagai Pusat

Pengedaran Pertanian ASEAN iaitu Agromakanan Perak - Lembah Makanan Negara.

Dia mendapatkan pembiayaan sebanyak RM20,000 selama lima tahun dengan bayaran ansuran sebanyak RM333 sebulan.

"Perak SADC banyak membantu kerana pinjaman itu dapat

digunakan untuk pusingan modal bagi penanaman semula termasuk membeli baja, racun, sistem siraman, kos pengangkutan, gaji pekerja selain kos sampingan lain.

"Pinjaman tanpa faedah sememangnya amat kritikal kerana bidang pertanian merupakan satu bidang yang mencabar kerana bergantung pada cuaca, ancaman serangga dan haiwan perosak selain harga sayuran-sayuran yang tidak fleksibel," katanya.

Menurutnya, Perak SADC membimbingnya sejak awal bukan sahaja berkaitan pinjaman tanpa faedah tetapi pegawainya sentiasa melawatnya untuk mengetahui input-input semasa selain bertanya masalah-masalah yang dihadapi.

"Malah, usahawan-usahawan bimbingan mereka dimasukkan menjadi ahli dalam grup WhatsApp khusus yang warga kerjanya aktif membalas pertanyaan dan bersifat setempat untuk informasi terkini mengenai dunia pertanian dan kursus-kursus yang disediakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/6/2025	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16

## Kecualikan buah-buahan rakyat daripada SST

**MAKAN** sebiji epal setiap hari mampu menjauhkan diri daripada doktor. Pepatah lama ini sewajarnya sudah cukup untuk kerajaan mempertimbang semula pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) sebanyak lima peratus ke atas buah-buahan import bermula 1 Julai ini.

Walaupun Malaysia mengeluarkan buah tempatan yang mencukupi dan dikecualikan daripada SST, buah import seperti epal dan oren turut menjadi sumber penting nutrien semula jadi kepada rakyat marhaen.

Apatah lagi, bukan semua buah-buahan tropika dihasilkan dalam negara. Pada tiga bulan pertama tahun ini, Malaysia membawa masuk RM27 juta bekalan buah mangga, pisang (RM19 juta), tembikai (RM15 juta) dan mata kucing (RM14 juta), yang selepas ini akan dicukai kerana termasuk dalam kategori buah import.

Kita seharusnya menggalakkan rakyat mengambil lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran bagi membantu mengurangkan beban ke atas perkhidmatan kesihatan awam, yang pada 2025 memerlukan RM45.3 bilion bagi menaik taraf prasarana kesihatan, rawatan penyakit kritikal, dan program penjagaan kesihatan.

Secara purata, rakyat Malaysia mengambil hanya 63 kilogram (kg) buah-buahan setahun, jauh daripada sasaran 400kg yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Antara sebabnya ialah faktor harga dan kurangnya kesedaran.

Menurut WHO, pengambilan buah-buahan dan sayur-sayuran yang rendah menjadi punca 2.7 juta kematian di seluruh dunia setiap tahun, selain menyumbang kira-kira 31 peratus daripada penyakit jantung dan 11 peratus strok.

Banyak bukti menunjukkan buah-buahan boleh mengurangkan risiko penyakit. Buah epal contohnya, baik untuk penderita diabetes kerana ia membantu mengawal kadar glukosa ekoran kandungan indeks glisemiknya yang rendah. Epal juga dipercayai bagus untuk mengelakkan penyakit kanser jika diambil sehari sekali.

Kita menyokong usaha kerajaan untuk menambah pendapatan negara menerusi SST termasuk mengenakan cukai ke atas buah-buahan mewah seperti avokado dan anggur, tetapi biarlah 'buah-buahan rakyat' ini dikecualikan cukai SST.

Ini kerana buah-buahan import seperti oren, epal, pear dan pisang adalah makanan kesihatan yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat termasuk M40 dan B40. Ia bukan makanan orang kaya tetapi boleh dikatakan sebagai makanan rakyat biasa zaman-berzaman.

## Agricultural production index to aid food security

**KEPALA BATAS:** The Statistics Department will introduce a National Agricultural Production Index to strengthen food security by addressing critical data gaps in the agriculture sector.

Chief Statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin said the index, to be pushed quarterly, will offer a more comprehensive view of agricultural output, supporting evidence-based policymaking in a sector central to both livelihoods and economic stability.

The index is being developed in collaboration with several government agencies and will mirror existing statistical frameworks used for the manufacturing, electricity and services sectors.

"The data will help identify which areas are experiencing increases in agricultural output and the information can be shared across agencies for planning and policy-making purposes."

He was speaking to reporters after launching the 2024 Penang Interim Agriculture Census Report, officiated by State Agrotechnology, Food Security and Cooperative Development Committee chairman Fahmi Zainol on Tuesday.

Until now, national agricultural statistics have focused primarily on palm oil and padi production, which he described as 'not comprehensive'. The new index, he said, will offer more structured and detailed coverage of the broader agricultural sector.

Preliminary findings from the 2024 Agriculture Census indicate that the sector recorded sales of RM161 billion in 2023, employing 1.7 million people. The figures underscore the industry's potential if backed by strategic policies and innovation.

In Penang alone, agricultural sales reached RM3.5 billion, despite the state's small size. Individual farmers accounted for 93.1% of agricultural holdings, with organisations making up the remaining 6.9%.

The census also highlighted the active role played by senior citizens, with more than half of Malaysians aged 60 and above still engaged in agriculture.

Mohd Uzir said their presence is a positive sign, while youth involvement presents further opportunities to enhance sector productivity. – Bernama